

# BULETIN FAKULTI

**BILANGAN 01 | NOVEMBER 2020 – MAC 2021**



**FAKULTI PENGAJIAN  
KONTEMPORARI ISLAM**

كلية الدراسات الإسلامية المعاصرة

# JAWATANKUASA BULETIN FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM

## KATA ALUAN EDITOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.,

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah memberi kelapangan waktu dan keterbukaan hati kepada ahli Jawatankuasa Unit Buletin dalam usaha menghasilkan buletin sulong ini.

Dalam kesempatan ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada unit Buletin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) daripada kalangan pensyarah, staf pentadbiran, dan pelajar, kerana berjaya menerbitkan buletin FKI buat pertama kalinya. Tidak lupa juga kepada Jawatankuasa Promosi yang sentiasa menjadi pembakar semangat dan pelengkap kepada kejayaan ini. Terima kasih atas sokongan dan komitmen semua.

Sesungguhnya, penerbitan buletin ini mencerminkan kesungguhan pihak FKI menggembelng usaha menjayakan budaya kerja berpasukan sebagai satu konsep kebersamaan dalam perkongsian visi. Usaha murni ini merupakan tindakan progresif dalam menyediakan saluran informasi ke arah mempromosikan fakulti seluruhnya. Peluang seperti ini bukan sahaja dapat memperkembangkan profesionalisme, malah menghasilkan tenaga kerja yang mampu memberi sumbangan dalam menyokong gerak kerja fakulti.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha menerbitkan buletin sulong FKI ini. Secara telus, Unit Buletin memohon sokongan penuh tenaga FKI seluruhnya untuk bersama menyumbang masa dan kepakaran bagi pemantapan kandungan buletin akan datang, dan pastinya banyak lagi perancangan Unit Buletin untuk meningkatkan kandungan kualiti Buletin kita bersama.

Semoga usaha murni ini akan berterusan sehingga menjadi budaya dalam kalangan pensyarah, pentadbir, dan pelajar FKI. Sesungguhnya tiada daya dan upaya kita semua tanpa keizinan dariNya. Sekian, terima kasih.

Dr. Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff  
Ketua Editor

## KANDUNGAN

Kata Aluan Editor .....	2
Ucapan Aluan Dekan .....	3
Organisasi Pengurusan Fakulti .....	4
Program Fakulti .....	5
<b>Program Persatuan</b>	
Persatuan Mahasiswa Kontemporari Islam .....	11
Persatuan Mahasiswa Dakwah & Teknologi Maklumat .....	14
Persatuan Mahasiswa Sejarah Tamadun Islam & Bahasa Kesusasteraan Arab .....	16
Persatuan Mahasiswa Al-Quran & As-Sunnah .....	17
Persatuan Mahasiswa Pentadbiran Islam & Syariah .....	19
Persatuan Mahasiswa Usuluddin .....	21
Ikon Kepimpinan Holistik .....	22

## AHLI JAWATANKUASA

### Penaung

YBhg. Prof. Dr. Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi

### Penasihat

Prof. Madya Dr. Rohaizan bin Baru

### Pengerusi

Encik Mohd Sayuti bin Yahya

### Ketua Editor

Dr. Zuraidah Juliana binti Mohamad Yusoff

### Editor

Dr. Sumayyah binti Abdul Aziz

Dr. Tasnim binti Mohd Annuar

Dr. Fauzi bin Yusoh

Puan Noor Anida binti Awang

Puan Mariam Nabilah binti Mohd Noor

### Jawatankuasa

Puan Wan Maimunah binti Wan Awang

Cik Nurul Hajar binti Mohd Yusoff

Saudari Umie Nurliela binti Mohamed Azeli

Saudari Nurul Alia binti Noor Zailan

Saudari Nik Siti Aisyah binti Nik Armanzi

Saudari Puteri Nurhazirah binti Ramlan

Saudari Wan Nur Azra binti Izali

Saudari Nurul Afini binti Mahazan



# KEPIMPINAN FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM

## UCAPAN ALUAN DEKAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.,

Alhamdulillah, kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas segala nikmat-Nya. Selawat dan salam kepada junjungan besar nabi kita Rasulullah SAW.

Dalam kesempatan ini, saya dengan penuh ta'zim merakamkan sekalung ucapan tahniah kepada Unit Buletin Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), dan mengharapkan buletin ini akan menjadi wahana yang tepat dalam menyebarkan maklumat tentang FKI kepada khalayak dan massa ke arah menjadikan FKI sebagai pilihan utama dalam melaksanakan amanah *jihad fi al-Ta'lim wa al-Ta'allum wa al-Tarbiyyah wa al-Irsyad*.

FKI yang dahulunya dikenali sebagai Sekolah Pengajian Islam telah menelusuri sejarah yang panjang dan berliku sepanjang 25 tahun keberadaannya. Kemudian dinaik taraf sebagai fakulti, sekali gus menjadikannya sebuah fakulti yang mantap dalam mendepani pelbagai cabaran dan keperluan pendidikan tinggi dewasa ini, selaras dengan apa yang terkandung dalam Pelan Strategi Pendidikan Tinggi Negara.

FKI sentiasa mempertingkatkan *iltizam* dalam menyempurnakan amanah mendidik anak bangsa menjadi warganegara yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. Kejayaan mendidik generasi pelajar juga bergantung kepada keupayaan FKI dalam

menyediakan tenaga pengajar yang memiliki daya intelek yang tinggi dan berkepakaran merangkumi bidang tujuhan melalui aktiviti penyelidikan, perundingan, penulisan karya akademik dan khidmat masyarakat. Dalam memperkasakan lagi aktiviti tersebut, pihak FKI sentiasa memberi galakan dan menyokong sebarang usaha pemantapan diri oleh kakitangan akademiknya di samping mengadakan kerjasama dengan universiti dalam dan luar negara. Pihak FKI juga giat berusaha untuk memacu aktiviti akademik yang merentasi disiplin ilmu Pengajian Islam bagi membolehkan buah fikiran dan solusi Islam disebar luaskan melewati bidang pengajian Islam, selaras dengan moto "Ilmu Demi Faedah Insan".

Sebagai sebuah institusi sosial yang menghayati denyut nadi masyarakat, pihak FKI juga sentiasa berinteraksi dengan masyarakat luar kampus. Pihak FKI telah dan akan terus mengadakan pelbagai aktiviti yang bukan sahaja melibatkan kakitangannya tetapi juga generasi pelajarnya.

Akhirnya, marilah sama-sama kita bersatu padu dan bekerjasama dalam menjayakan amanah *jihad fi al-Ta'lim wa al-Ta'allum wa al-Tarbiyyah wa al-Irsyad* ini. Pandangan dan saranan yang berguna dari khalayak amatlah kami harapkan demi kemajuan FKI tercinta ini. Sekian, terima kasih.

Dekan  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Prof. Dr. Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi

# KEPIMPINAN ORGANISASI FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM

## KEDEKANAN



**Dekan**  
Prof. Dr. Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi



**Timbalan Dekan  
Penyelidikan dan Pembangunan**  
Prof. Madya Dr. Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar



**Timbalan Dekan  
Akademik dan Siswazah**  
Prof. Madya Dr. Rohaizan bin Baru



**Timbalan Dekan  
Hal Ehwal Pelajar dan Alumni**  
Prof. Madya Dr. Jamalluddin bin Hashim

## KETUA PUSAT PENGAJIAN



**Pusat Pengajian Syariah**  
Dr. Ahmad Faizol bin Ismail



**Pusat Pengajian Usuluddin**  
Dr. Aman Daima bin Md. Zain



**Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam**  
Dr. Noorsafuan bin Che Noh



**Pusat Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah**  
Dr. Mohd A' Tarahim bin Mohd Razali

## PENYELARAS/PENTADBIRAN



**Penyelaras Industri Akademia Keusahawanan**  
Ahmad Jazlan bin Mat Jusoh



**Penyelaras Jaminan Kualiti & e-Pembelajaran**  
Prof. Madya Dr. Nadhirah binti Nordin



**Ketua Penolong Pendaftar**  
Mohd Sayuti bin Yahya



**Penyelaras Siswazah**  
Dr. Syh Noorul Madiah binti Syed Husin



**Penyelaras Program DPLI/ ISM Pendidikan (Pendidikan Islam)**  
Ab. Aziz bin Sulaiman



**Penolong Pendaftar**  
Tengku Maryam Syamimi binti Tengku Ibrahim

# PROGRAM FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM

09 NOVEMBER 2020  
SYARAHAN AKADEMIK

## UKUM Dedahkan Khazanah Ulama Melayu di Turki dan Aceh (Anjuran Bersama UKUM, FKI, & INSPIRE)

Unit Kajian Ulama Malayuwiyah (UKUM) telah ditubuhkan di bawah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), pada 6 Jun 2017. Matlamatnya adalah meningkatkan aktiviti penyelidikan dan penyebaran ilmu berkaitan ketokohan para ulama Melayu serta sumbangan mereka dalam penghasilan manuskrip.

Program Syarahan Akademik bertajuk “Meneroka Khazanah Ulama Alam Melayu di Turki dan Aceh” yang telah disampaikan oleh Dr. Mat Rofa bin Ismail diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat tentang khazanah manuskrip tulisan ulama Alam Melayu di Aceh dan Turki.

Program ini telah dianjurkan hasil kerjasama Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE) yang dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Syed Hadzrullatfi bin Syed Omar selaku Timbalan Dekan Penyelidikan dan Pembangunan FKI. Program ini telah berjaya menarik perhatian peserta dalam dan luar UniZA dengan jumlah 240 orang peserta melalui *Webex Event* dan seramai 1600 orang melalui *facebook*.



14 NOVEMBER 2020  
SEMINAR TASAWUF

## Seminar Tasawuf dalam Masyarakat Kontemporari 2020

Pusat Pengajian Usuluddin, FKI, UniZA dengan kerjasama Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan telah menganjurkan “Seminar Tasawuf dalam Masyarakat Kontemporari” melalui aplikasi *Cisco Webex*. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBrs. Prof. Dr. Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi, Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniZA.

Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan telah menghantar dua orang wakil pembentang iaitu Mufti Kerajaan Negeri, SS Dato' Haji Mohd Yusof bin Haji Ahmad dan Ahli *Jilsah Turuq Sufiyyah* Negeri Sembilan, Dr Haji Jahid bin Haji Sidek. Turut membentangkan kertas kerja ialah Mufti Pahang, SS Datuk Seri Dr. Abdul Rahman Osman.



# PROGRAM FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM

**Bengkel  
SISWAZAH FKI SEMESTER I  
SESI 2020/2021**

**Pengisian:**

**PENGAJIAN SISWAZAH: STRATEGI DAN TEKNIK**  
Dr. Ahmad Faizol Ismail

**STRATEGI MENULIS PROPOSAL BERKUALITI**  
Prof. Madya Dr. Sharifah Norshah Bani Syed Bidin

**SOROTAN LITERATUR DALAM PENGAJIAN ISLAM**  
Prof. Madya Dr. Nadhirah Nordin

**REKABENTUK DAN METODOLOGI PENYELIDIKAN**  
Prof. Madya Dr. Rahimah Embong

**19 NOV. 2020**  
8.00 pagi - 4.30 petang

**PENYERTAAN : TERBUKA**

**YURAH:**

- Pelajar UnisZA : RM 30.00
- Penyarah UnisZA : RM 40.00
- Peserta Luar : RM 40.00

No. Akaun: T3077010082394 (BIMB)

**PENGANDUK:**  
Seminar Kuala Penyelaras Siswazah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UnisZA

017-930 3458 Cik Suhaida Amira

<http://fki.unisza.edu.my>

## 19 NOVEMBER 2020 BENKEL SISWAZAH

### Bengkel Siswazah FKI Sesi 2020/2021

Bengkel ini merupakan salah satu syarat keperluan pengajian bagi pelajar siswazah. Ia telah dihadiri oleh 104 orang pelajar dari empat program siswazah yang ditawarkan di FKI. Bengkel ini dikendalikan oleh Penyelaras Siswazah Fakulti dengan empat sesi pembentangan daripada pakar bidang fakulti.

## 24 - 27 NOVEMBER 2020 KHIDMAT MASYARAKAT

### PROGRAM WE CARE WE SHARE

Program *We Care We Share* merupakan program agihan makanan percuma kepada para pelajar Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UnisZA yang berada di asrama dan rumah sewa sekitar UnisZA.

24 November - Agihan makanan telah dilakukan di hadapan bangunan FKI dan ruang legar asrama pelajar. Program ini adalah anjuran PMKI hasil sumbangan daripada pensyarah FKI, alumni dan orang awam.

27 November - Penyampaian sumbangan makanan asas kepada pelajar FKI yang menginap di rumah sewa sekitar UnisZA. Penyerahan makanan turut dilakukan oleh PMKI UnisZA di bawah seliaan YDP PMKI Saudara Iqbal Fadzli ke setiap rumah pelajar yang tidak dapat menghadiri diri ke UnisZA. Sebanyak 29 buah rumah pelajar telah mendapat bantuan ini.

Persatuan Mahasiswa Kontemporari Islam sesi 19/20

**WE CARE WE SHARE**

**Agihan Makanan Tengahari Percuma**  
Selasa - 24/11/2020  
12 Tengahari  
Hadapan Pejabat FKI  
Dengan Kerjasama

**PATUHILAH SOP YANG TELAH DITETAPKAN**

- AMALKAN PENJARAKAN SOSIAL
- PAKAI PELITUP MUKA
- ELAKKAN 3S AMALKAN 3W

# PROGRAM FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM

30 DISEMBER 2020

MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN FAKULTI 2020

30 Disember 2020, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), UniSZA telah mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan Fakulti 2020 melalui platform media sosial *Facebook*, FKI UniSZA.

Majlis tersebut bertujuan memberi pengiktirafan kepada staf akademik, staf sokongan dan para pelajar yang telah bergiat aktif serta memberi sumbangan dalam pembangunan fakulti, di samping memberi dorongan kepada pensyarah dan pelajar seluruhnya supaya menjadi penggerak dan pemimpin yang berkaliber di masa hadapan.

Majlis dirasmikan oleh Dekan FKI, YBhg. Prof. Dr. Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi yang turut menitipkan kata motivasi agar seluruh warga FKI bersama melonjakkan gagasan FKI menerusi elemen Fokus, Kesungguhan, dan Istiqamah.

Antara anugerah yang disampaikan dalam majlis tersebut adalah:

## **Kategori Pensyarah**

Anugerah Inovasi

Anugerah Penyeliaan Siswazah

Anugerah Penerbitan Buku

Anugerah Penerbitan Jurnal

Anugerah Penyelidikan

Anugerah Tokoh Akademik

Anugerah Staf Pelaksana Cemerlang

Anugerah Khas

Anugerah Jasamu Dikenang

## **Kategori Pelajar**

Anugerah Mahasiswa Holistik

Anugerah Kepimpinan Pelajar

Anugerah Program Keusahawanan Terbaik

Anugerah Sukan

Anugerah Persatuan Cemerlang FKI

Anugerah Terbaik Program Diploma

Anugerah Terbaik Program Ijazah Sarjana Muda

## **KATEGORI ANUGERAH PENSYARAH**

### **Anugerah Kecemerlangan Inovasi**

DR. MOHD HASRUL BIN SHUHARI

### **Anugerah Kecemerlangan Penyeliaan Siswazah**

DR. NASHAAT ABDELAZIZ ABDELQADER BAILOUMY

### **Anugerah Kecemerlangan Penerbitan Buku**

PROF. DR. BASRI BIN IBRAHIM

### **Anugerah Kecemerlangan Penerbitan Jurnal**

DR. NASHAAT ABDELAZIZ ABDELQADER BAILOUMY

### **Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan**

DR. NOORAIHAN BINTI ALI

### **Anugerah Tokoh Akademik**

PROF. MADYA DR. WAN MOHD KHAIRUL FIRDAUS BIN WAN KHAIRULDIN

### **Anugerah Staf Pelaksana Cemerlang**

YM TENGKU ROSS BINTI TENGKU A. AZIZ

### **Anugerah Khas Fakulti**

USTAZ ZULKIFLI BIN MOHD

### **Anugerah Jasamu Dikenang**

1. PROF. MADYA DR. MOHAMAD ZAIDIN BIN MAT@MOHAMAD
2. PROF. MADYA DR. HASANULDDIN BIN MOHD
3. DR. ENSKU IBRAHIM BIN ENSKU WOK ZIN
4. DR. ZAWAWI BIN YUSOFF
5. CIK NURUL HAJAR BINTI MOHD YUSOFF
6. EN. MOHAMAD ZAMRI BIN ABD. GHANI

## **KATEGORI ANUGERAH PELAJAR**

### **Anugerah Mahasiswa Holistik FKI**

SITI KHADIJAH BINTI ABDULLAH  
ISM Pengajian Islam (Syariah) dengan Kepujian

### **Anugerah Kepimpinan Pelajar**

AHMAD IQBAL BIN MOHD FADZLI (YDP PMKI 2019/2020)

### **Anugerah Program Keusahawanan Terbaik**

MUHAMMAD ZAHIRUDDIN BIN ZAMRI  
Diploma Pengajian Islam (Usuluddin)

### **Anugerah Sukan**

NUR FATIHA AQILAH BINTI RAHIM  
Diploma Pengajian Islam dengan Teknologi Maklumat

### **Anugerah Persatuan Cemerlang FKI 2020**

Persatuan Mahasiswa Dakwah dan Teknologi Maklumat  
(PERSADA)



# PROGRAM FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM

30 DISEMBER 2020

MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN FAKULTI 2020

## ANUGERAH TERBAIK PROGRAM DIPLOMA

### **NUR SYIFAA BINTI NASIR**

Diploma Pengajian Islam (Syariah)

### **NUR ATHIRAH BINTI RAHIMI**

Diploma Pengajian Islam (Usuluddin)

### **MOHAMAD IRFAN HAZIQ BIN NOR SHAM**

Diploma Pengajian Islam (Bahasa dan Kesusasteraan Arab)

### **SITI KHADIJAH BINTI MOHD MAIYURID**

Diploma Pengajian Islam (Dakwah)

### **MUHAMMAD AFHAM BIN SUHAIMI**

Diploma Pengajian Islam (Al-Quran dan As-Sunnah)

### **NOR SHAHIRA BINTI ABD RAHIMAN**

Diploma Pengajian Islam (Sejarah dan Tamadun Islam)

### **MOHAMMAD SHAHRUL IKRAM BIN AMERUDIN**

Diploma Pengajian Islam (Pentadbiran Islam)

### **WAN NUR NAJAH BINTI TUN TUAH**

Diploma Pengajian Islam dengan Teknologi Maklumat

### **MUHAMMAD HANIF BIN ALI**

Diploma Pendidikan Pascasiswazah

## ANUGERAH TERBAIK PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA

### **ASMA' BINTI MOHD NAZRI**

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) dengan Keupujian

### **AQILAH DAYANA BINTI NOR ADAMI**

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Dakwah) dengan Keupujian

### **WAN SALEHA BINTI WAN SAYED**

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin) dengan Keupujian

### **SITI AZEERA BINTI NORDIN**

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin dengan Kaunseling) dengan Keupujian

### **TENGGU NUR ALIA SHAFIQAH BINTI TENGGU YAHYA**

Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Sunnah (Qiraat) dengan Keupujian

### **NORAINI BT AJIT**

Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam)



*Suasana di belakang tabir Majlis Anugerah Kecemerlangan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam 2020 yang dikendalikan oleh wakil para pelajar FKI*



*Wakil pelajar FKI iaitu saudari Nur Wahidah binti Aziz sebagai pengacara majlis*



*Dekan FKI, Prof. Dr. Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi ketika menyampaikan ucapan secara dalam talian*





# PROGRAM FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM

30 DISEMBER 2020

ANUGERAH KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK 2020

Seramai lapan orang pensyarah FKI telah dianugerahkan kenaikan pangkat. FKI amat berbangga atas kejayaan tersebut dan mengharapkan semua staf akademik sentiasa berusaha meningkatkan kredibiliti dan profesionalisme sebagai seorang pensyarah.

UNISZA  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN  
UNISZA DI PERSADA 40 TAHUN

تهنئته  
**Tahniah**  
Atas Kenaikan Pangkat

EN. AHMAD JAZLAN BIN MAT KUSOH (D552)  
EN. ABDULLAH HISHAM BIN AB. WAHAB (D552)  
PROF. MADYA DR. NADHIRAH BINI NORDIN (D554)  
PROF. MADYA DR. ANAS BIN MOHD YUNUS (D554)  
PN. ZARON BINI MUSTAJA (D552)  
EN. MOHD SHAFULBAHRI BIN ABDULLAH (D552)  
EN. AHMAD TRAWI BIN TAJA (D552)  
EN. AHMAD SHAHARUDDIN BIN TAJAR (D552)

Ikhlas daripada:  
Warga Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
<https://fki.unisza.edu.my>

f @ unisza.edu.my



# PROGRAM FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM

21 OKTOBER 2020 - 25 JANUARI 2021  
KLINIK AKADEMIK FKI



## Program Klinik Akademik FKI

Klinik Akademik diadakan secara berkala sepanjang tempoh antara 21 Oktober 2020 sehingga 25 Januari 2021 sepanjang 14 minggu perkuliahan. Ia bertujuan membantu dan membimbing para pensyarah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian dengan bantuan fasilitator FKI yang dilantik.

28 FEBRUARI 2021  
STUDIO AL QURAN

## Studio Al Quran

Studio Al Quran Ibn Al Jazari dibangunkan bagi memperkasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) al-Quran dan Hafazan. Pemilihan nama tersebut dipilih bersempena nama Tokoh al Quran dan Qiraat yang terkemuka iaitu Sheikh Muhammad Ibn Muhammad Ibn Muhammad Ibn Ali Ibn Yusuf atau lebih dikenali sebagai Ibn al Jazari.

Studio al-Quran memberi manfaat dan kemudahan kepada peserta Sijil Tahfiz al-Quran dan subjek Bahasa yang terdiri daripada pelbagai fakulti di UniSA. Studio ini dibangunkan hasil gabungan dana zakat UniSA di bawah *asnaf fisabilillah* dan peruntukan dari UniSA.





# PROGRAM PERSATUAN MAHASISWA KOTEMPORARI ISLAM (PMKI) FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM



## BICARA KENEGARAAN: IMPIAN GENERASI ANAK MUDA, REALITI DAN CABARAN

Program **Bicara Kenegaraan: Impian Generasi Anak Muda, Realiti dan Cabaran** telah dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Kontemporari Islam (PMKI) pada 13 Januari, jam 9.00 hingga 11.00 malam menerusi **FB Live** PMKI UniZA.

Program ini telah berjaya meraih tontonan sebanyak 35,000. Program dimulakan dengan ucap-tama dari YBhg. Prof. Dr. Kamarul Shukri bin Mat Teh, disusuli dengan slot Ucap-tama Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang. Ucap-tama Dato' Seri telah diulas oleh Pengulas Pertama iaitu Dr. Mohamad Zaidi bin Abdul Rahman dari Universiti Malaya, seterusnya diulas oleh Pengulas Kedua iaitu Dato' Haji Mahamad Naser bin Disa dari UniZA.


Program ini diadakan bertujuan memastikan mahasiswa dapat mengisi masa mereka dengan aktiviti dan program bermanfaat serta memberi peluang mahasiswa untuk bersama menyertai majlis ilmu yang dihadiri oleh panel hebat di Malaysia.



## PROGRAM HIMPUNAN MURABBI BERSAMA MAHASISWA (HIMMAH)

Program **Himpunan Murabbi bersama Mahasiswa (HIMMAH)** telah dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Kontemporari Islam (PMKI) pada 14-16 Januari 2021. Perasmian program telah diadakan menerusi **FB Live** PMKI UniZA. Program ini telah berjaya meraih sebanyak 2,417 peserta.

Program dimulakan dengan ucap-tama dari YBhg. Dekan FKI, Prof. Dr. Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi. Seterusnya, diikuti dengan Slot Dialog Murabbi-Mahasiswa "Anda Bertanya Ustaz Menjawab" dipimpin oleh Ustaz Ahmad Tirmizi bin Taha dan diakhiri dengan slot Kuiz Tafaquh Fi Ad-Deen bagi menggalakkan penyertaan daripada pelajar. Program ini diteruskan selama dua hari dengan disusuli pertemuan bersama para murabbi secara dalam talian di kediaman masing-masing. Program ini diadakan bertujuan merapatkan hubungan silaturahim antara para murabbi dan juga mahasiswa FKI walaupun ia dilaksanakan secara dalam talian.



# PROGRAM PERSATUAN MAHASISWA KOTEMPORARI ISLAM (PMKI) FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM

**DAURAH BERSIRI**  
KITAB "AL-MAU'IZATUL AL HASANAH LI MUROBITHIN FI AL DAKWAH ILA ALLAH"

**SESI 1**  
KHAMIS-SABTU | 11-13/2/2021 | 9.00PM - 10.00PM

**SESI 2**  
KHAMIS-SABTU | 18-20/2/2021 | 9.00PM - 10.00PM

**LIVE PMKI UNISZA**

**PENCERAMAH**  
USTAZ CHE MOHAMAD FARIZI B CHE AB RAHMAN  
TENAGA PENGAJAR  
PONDOK AR RAHMANIAH, LUBOK TAPAH

\*KITAB DISEDIAKAN SECARA PDF

**PMKI UniSZA**

## PROGRAM DAURAH BERSIRI

Lajnah Dakwah dan Kerohanian Persatuan Mahasiswa Kontemporari Islam (PMKI) telah menganjurkan program Daurah Bersiri yang berkonsepkan sistem talaqqi pengajian kitab terpilih iaitu *Al-Mauizah Al-Hasanah Li Al-Murabthin Fi Al-Dakwah Ila Allah*. Program ini telah diadakan pada setiap hari Khamis, Jumaat dan Sabtu bermula 25 Februari 2020, jam 9.00–10.00 malam selama dua minggu.

Sebanyak enam kali perjumpaan telah diaturkan secara dalam talian melalui medium *Facebook live* PMKI. Program Daurah Bersiri ini diterajui oleh penceramah jemputan iaitu Ustaz Che Mohamad Farizi bin Che AB Rahman yang merupakan salah seorang tenaga pengajar di Pondok Ar Rahmaniah Lubok Tapah, Pasir Mas, Kelantan.



SAF KEPIMPINAN PERSATUAN MAHASISWA KONTEMPORARI ISLAM (PMKI) UniSZA 20/21

**Bengkel**  
**PENULISAN TESIS**

**BENKEL DI CISCO WEBEX MEETING**

**Penceramah**  
Dr. Noorsafuan bin Che Noh  
Ketua Pusat Pengajian Pendidikan,  
Dakwah dan Peradaban Islam

Untuk pendaftaran :  
[QR Code]

**12-13 MAC 2021 | JUMAAT - SABTU | 9AM - 4:45PM**

Sebarang pertanyaan , Hubungi :  
Iffah Nadhirah : 019-934 7571  
Nur Atikah : 011-2568 7595

**PMKI UniSZA**

Penyertaan digalakkan kepada pelajar ISM Semester 7

## BENKEL PENULISAN TESIS

Bengkel Penulisan Tesis ini telah dianjurkan oleh Lajnah Akademik dan Integriti Persatuan Mahasiswa Kontemporari Islam (PMKI) pada 12-13 Mac 2021. Bengkel ini diadakan menerusi platform aplikasi *Cisco Webex Meeting*. Bengkel Penulisan Tesis ini telah disampaikan oleh Dr. Noorsafuan bin Che Noh, Ketua Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, UniSZA. Peserta amnya terdiri daripada kalangan mahasiswa Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA khususnya pelajar Ijazah Sarjana Muda semester 7.





# PROGRAM PERSATUAN MAHASISWA KOTEMPORARI ISLAM (PMKI) FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM



## PARLIMEN SYUKBAH

Parlimen Syukbah telah dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Kontemporari Islam (PMKI) pada 19 Mac 2021, jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari menerusi aplikasi *Google Meet*. Mesyuarat ini dimulakan dengan bacaan doa oleh wakil pimpinan Persatuan Mahasiswa Kontemporari Islam (PMKI), iaitu Saudara Muhammad Hafiz Fikri bin Ghazali dan telah diacarakan oleh Saudara Ahmad Fikrul Irshad bin Kamarul Bahari. Parlimen Syukbah ini melibatkan semua kepimpinan PMKI dan kepimpinan syukbah.



Parlimen Syukbah mencapai tujuannya menerusi tiga slot iaitu slot pertama ialah pembentangan oleh Yang DiPertua (YDP) setiap syukbah berkenaan perancangan program berserta objektifnya. Slot kedua pula ialah slot Pembentangan dan Penyelarasan Takwim iaitu setiap syukbah membentangkan keseluruhan takwim program tahunan bagi tujuan penyelarasan, manakala slot ketiga, slot Cadangan dan Penambahbaikan yang merangkumi cadangan usul dan penambahbaikan menerusi link *google form* yang dibangunkan. Semua usul dibahaskan dengan perbincangan penerimaan dan penolakan sesama ahli parlimen.



## FORUM REALITI ISLAM LIBERAL

Program Forum Ilmiah: Bahaya Islam Liberal telah dianjurkan oleh Lajnah Dakwah dan Kerohanian Persatuan Mahasiswa Kontemporari Islam (PMKI) pada 25 Mac 2021, menerusi *FB Live* PMKI UnisZA. Seramai dua ahli panel telah dijemput bagi membahaskan isu Islam Liberal iaitu, Prof. Madya. Dr. Ahmad Bazli bin Shafie dan Dr. Muhammad Rashidi bin Wahab. Kedua-dua ahli panel ini merupakan Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Usuluddin, FKI UnisZA.

Forum dimulakan dengan bacaan doa oleh wakil kepimpinan Persatuan Mahasiswa Kontemporari Islam (PMKI), iaitu Saudara Muhammad Izdiyad Irsyad bin Md Nurulazmi dan diacarakan oleh Saudara Muhammad Hafiz Fikri bin Ghazali. Forum ini melibatkan dua pusingan dengan setiap kupasan perbincangan selama 15 minit. Sesi soal jawab telah diadakan di penghujung program dan seterusnya setiap panel membuat rumusan perbincangan sekitar lima minit. Program berakhir dengan jayanya berkat keizinan Allah SWT.



# PROGRAM PERSATUAN MAHASISWA DAKWAH & TEKNOLOGI MAKLUMAT (PERSADA) PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN, DAKWAH DAN PERADABAN ISLAM



## PROGRAM KUNJUNGAN HORMAT PERSADA

Pada hari Isnin, bersamaan 15 Februari 2021, Persatuan Mahasiswa Dakwah dan Teknologi Maklumat (PERSADA) telah melaksanakan satu program Kunjungan Hormat Pimpinan PERSADA Sesi 2020/2021. Program ini bertujuan mengumpulkan penasihat dan pemimpin di bawah Persatuan Mahasiswa Dakwah dan Teknologi Maklumat sebagai satu inisiatif merapatkan hubungan di antara barisan pimpinan PERSADA bersama penasihat.

Program berlangsung menggunakan rangkaian *Google Meet* dan dihadiri oleh 23 orang pemimpin dan dua orang tetamu jemputan iaitu Ketua Pusat Pengajian Dakwah, Dr. Noorsafuan bin Che Noh serta Penasihat Persatuan Mahasiswa Dakwah dan Teknologi Maklumat, Dr. Abdul Qahhar bin Ibrahim.

Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh pengerusi majlis iaitu saudara Amirul Qusyairi dan disusuli dengan bacaan doa oleh saudara Qaid Azha. Majlis diteruskan dengan pembentangan takwim oleh barisan pimpinan, ucapan Yang Dipertua PERSADA, saudara Muhammad Zikry, dan seterusnya, ucapan Penasihat PERSADA, Dr. Abdul Qahhar bin Ibrahim.

Program ini diakhiri dengan tausiyah dari Ketua Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah, dan Peradaban Islam, Dr. Noorsafuan bin Che Noh dan berakhir tepat jam 10 malam.



## PROGRAM KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI KELAB (KPO)

Program Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) PERSADA sesi 2020\2021 merupakan salah satu program tahunan anjuran Persatuan Mahasiswa Dakwah dan Teknologi Maklumat (PERSADA). Program ini berlangsung pada 21 Februari 2021, jam 9 pagi hingga 12.30 tengah hari secara dalam talian aplikasi *Google Meet*. Penyertaan program ini melibatkan semua pimpinan Persatuan Mahasiswa Dakwah dan Teknologi Maklumat (PERSADA) sesi 2020\2021 bermula dari Majlis Tertinggi sehingga kepada semua ahli Majlis Eksekutif.

Program KPO PERSADA ini adalah berbentuk bengkel untuk mempelajari tentang prosedur penyediaan kertas kerja serta tatacara pelaksanaan sesuatu aktiviti organisasi. Taklimat disampaikan oleh Setiausaha PERSADA, Saudari Puteri Nurhazirah binti Ramlan dan Saudara Muhammad Shamim Muzakkir bin Harun, diikuti dengan Bendahari, Saudara Muhammad Amierul Khusyairi bin Mohd Zamri dan Saudari Nurul Atikah binti Shafie.

Bengkel diteruskan dengan perkongsian gerak kerja kata-kata motivasi oleh Yang Di Pertua Persatuan Mahasiswa Dakwah dan Teknologi Maklumat PERSADA, Saudara Muhammad Zikry bin Ziman. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada pimpinan tentang maklumat, kaedah, peraturan, perancangan dan pengurusan sebelum, semasa, dan selepas program diadakan.



## PROGRAM TOUR KEPIMPINAN PERSADA

Pada 6 Mac 2021, Program TOUR KEPIMPINAN PERSADA diadakan bertujuan memberi maklumat kepada seluruh pelajar khususnya Program Dakwah dan Teknologi Maklumat Tahun Satu mengenai kewujudan PERSADA. Program ini merupakan program suai kenal sebagai satu perkongsian inspirasi dan motivasi barisan pimpinan PERSADA bersama mahasiswa junior. Program ini berlangsung pada jam 9 hingga 10 malam secara dalam talian.





# PROGRAM PERSATUAN MAHASISWA DAKWAH & TEKNOLOGI MAKLUMAT (PERSADA) PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN, DAKWAH DAN PERADABAN ISLAM



## PROGRAM DISKUSI SANTAI: MAHASISWA SABAR DALAM MENITI NORMA BAHARU

Program Diskusi Santai Mahasiswa: Sabar Meniti Norma Baharu merupakan program anjuran bersama Persatuan Mahasiswa Dakwah dan Teknologi Maklumat (PERSADA) dengan Kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA).

Program ini berlangsung pada 12 Mac 2021, jam 9.00 hingga 10.30 malam secara dalam talian menggunakan medium *facebook* rasmi PERSADA UniZA. Penyertaan program adalah terbuka kepada orang ramai khususnya mahasiswa UniZA. Diskusi santai ini adalah berbentuk ceramah dan perkongsian ilmu daripada pensyarah UniZA, Prof. Madya Dr. Anas bin Mohd Yunus.

Program ini diadakan bertujuan memberi pendedahan ilmu kepada mahasiswa UniZA dalam menghadapi keadaan pembelajaran secara norma baharu. Program ini juga merupakan dorongan dan sebagai pembekal semangat kepada mahasiswa agar tidak berputus asa dalam menuntut ilmu walaupun terpaksa berhadapan dengan cabaran pembelajaran secara dalam

talian sepanjang pandemik ini. Menerusi program ini, pelbagai tips, cadangan dan amalan yang telah dikongsikan oleh penceramah jemputan amat bermanfaat dijadikan panduan dalam kehidupan seharian mahasiswa dan orang awam.

## PROGRAM FORUM: MAHALNYA HARGA DIRI SEORANG MUSLIMAH

Pada 25 Mac 2021 bersamaan hari Khamis, Exco Helwanis PERSADA UniZA telah melaksanakan sebuah forum bertajuk Mahalnya Harga Diri Seorang Muslimah secara *live* di *facebook page* PERSADA UniZA. Pihak penganjur telah menjemput dua orang panel berpengalaman iaitu Dr. Siti Khatijah binti Ismail, seorang Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Syariah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam dan Ustaz Mohamad Nurul Hafiz bin Ab. Latif, Pensyarah Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, juga dari fakulti yang sama.

Secara keseluruhan, program ini telah mencapai matlamat yang ditetapkan, iaitu untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mahasiswi mengenai tanggungjawab wanita dalam menjaga maruah diri dan agama. Dengan berlangsungnya program ini, para peserta dapat meningkatkan ilmu seterusnya mengaplikasikannya dalam kehidupan. Program ini telah bermula pada jam 9.15 malam dan tamat pada 11.00 malam.

Program ini terbuka kepada semua mahasiswi dan orang awam. Seramai 303 orang peserta telah mengikuti program ini dan mendapat maklum balas yang positif sebagai satu forum yang begitu menarik dengan kupasan isu yang sering menjadi topik perbualan masyarakat hari ini.



## PROGRAM

# PERSATUAN SEJARAH & TAMADUN ISLAM DAN BAHASA & KESUSASTERAAN ARAB PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN, DAKWAH DAN PERADABAN ISLAM

### IBRAH ISRA' MI'RAJ

Ceramah Ibrah Isra' Mi'raj adalah program anjuran Exco Ekonomi dan Keusahawanan SEJAHTERA. Program ini telah diadakan pada 22 Mac 2021, Isnin bersempena dengan peristiwa Isra' Mi'raj. Tujuan utama ceramah ini adalah untuk mengimbuai kembali peristiwa Isra' Mi'raj dan membuka minda para mahasiswa mengenai peristiwa perjalanan Rasulullah SAW selain menghayati kisah perjuangan Baginda. Ceramah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Anas bin Mohd Yunus melalui platform *live facebook* rasmi SEJAHTERA.

**IBRAH ISRAK MIKRAJ**  
CERAMAH DAN QUIZ ISRAK MIKRAJ  
22 MAC 2021  
9-11 MALAM  
LIVE SEJAHTERA  
PENCERAMAH  
PROF. MADYA DR. ANAS BIN MOHD YUNUS  
PENSYARAH  
PUSAT PENGAJIAN SYARIAH  
FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM  
PENGACARA MUHAMMAD HANIF  
@SEJAHTERAUNISZA @SEJAHTERAUNISZA "BAHASA DICINTAI SEJARAH DILAKARI"

**TAJDIDUL UKHUWAH 3.0**  
TARIKH : 26 MAC-28 MAC 2021  
MASA : 9 MALAM-11 MALAM  
PROGRAM YANG DIANJURKAN :  
-PERTANDINGAN PUBG. (TERBUKA BAGI SEJAHTERA)  
-PERTANDINGAN ML (TERBUKA BAGI SEJAHTERA)  
-KUIZ (WAJIB BAGI SEJAHTERA)  
-WEREWOLF (WAJIB BAGI SEJAHTERA)  
Nur Batrisiya Binti Mohd Ghazali  
Diploma Sejarah Dan Tamadun Islam Tahun 1  
@SEJAHTERAUNISZA @SEJAHTERAUNISZA "BAHASA DICINTAI SEJARAH DILAKARI"

### TAJDIDUL UKHUWAH 3

Tajdidul Ukhuwah 3.0 adalah program tahunan anjuran Exco Sukan dan Kebudayaan SEJAHTERA. Program ini adalah berkonsepkan hari keluarga dan *E-Sport*. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara ahli SEJAHTERA.

Program ini dijalankan pada 26 dan 27 Mac 2021, iaitu hari Jumaat dan Sabtu. Program ini hanya terbuka kepada ahli SEJAHTERA sahaja. Pada hari pertama, sesi pembukaan program diadakan melalui platform *Google Meet* pada jam 9.00 pagi, dengan sedikit ucapan dan

kata semangat daripada Timbalan Yang Dipertua SEJAHTERA kepada ahli SEJAHTERA. Setelah itu, pihak Media SEJAHTERA mempamerkan video pengenalan program. Selesai tayangan video, semua ahli SEJAHTERA dikehendaki menjawab Kuiz SEJAHTERA.

Seterusnya, pertandingan *E-Sport Mobile Legends (ML)* dimulakan tepat pada jam 9.00 malam. Penyertaan ini terbuka kepada semua ahli SEJAHTERA yang berminat berdasarkan kepada syarat dan terma pertandingan. Pada hari terakhir program iaitu 27 Mac jam 9.00 pagi, aktiviti *Werewolf's Games* diteruskan menerusi aplikasi Telegram. Ahli SEJAHTERA dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada ahli SEJAHTERA Tahun 1 dan Tahun 2. Pada jam 9.00 malam, pertandingan kedua *E-Sport iaitu Playerunknown's Battlegrounds (PUBG)* dimulakan.

Bagi pertandingan ML, hadiah bagi Johan pertandingan berupa wang tunai sebanyak RM 40 dan Naib Johan sebanyak RM 20. Bagi pertandingan PUBG pula, hadiah bagi Johan adalah sebanyak RM 50 dan Naib Johan sebanyak RM 25.



# PROGRAM PERSATUAN MAHASISWA AL-QURAN DAN AS-SUNNAH (AQSA) PUSAT PENGAJIAN AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

AQSA Unisza | UNISZA | aqsaunisza\_official

"TAUSIYAH BERSAMA MURABBI"

## BICARA QURRA' HARAPAN QARYAH

**9.30 MALAM**  
**26**  
**FEBRUARI**  
**2021** JUMAT

LIVE  
AQSA Unisza

FADHILATUL USTAZ DR WAN KHAIRUL AIMAN BIN WAN MOKHTAR  
PENSYARAH PUSAT PENGAJIAN AL-QURAN & AS-SUNNAH, UNISZA

ANJURAN: PERSATUAN MAHASISWA AL-QURAN & AS-SUNNAH 20/21

### TAUSIYAH BERSAMA MURABBI "BICARA QURRA' HARAPAN QARYAH"

Program Tausiyah Bersama Murabbi "Bicara Qurra' Harapan Qaryah" telah diadakan pada 26 Februari 2021 menerusi Facebook Live AQSA UniSZA. Majlis bermula dengan bacaan doa dari wakil pelajar Al-Quran dan Al-Sunnah dan disusuli dengan tausiyah al-Fadhil Ustadz Dr. Wan Khairul Aiman bin Wan Mokhtar. Seterusnya, majlis dilanjutkan dengan sesi soal jawab berkenaan tajuk program.

Program ini telah memberikan kata semangat dan pesanan kepada mahasiswa khususnya berkenaan panduan menjadi imam solat dan pemimpin masyarakat yang bersandarkan Al-Quran dan As-Sunnah. Mahasiswa juga dinasihatkan agar dapat menjadi khalifah Allah yang mampu memimpin masyarakat ke jalan yang diredhai Allah dengan memanfaatkan masa terluang di alam kampus sebagai medan mencari ilmu yang luas dalam pelbagai aspek selain memberi fokus pada pembelajaran.

### MUZAKARAH QIRAAT

Program Muzakarah Qiraat bertajuk "SEJARAH ILMU QIRAAT" telah diadakan pada 20 Mac 2021 menerusi Facebook AQSA UniSZA. Majlis bermula dengan bacaan doa dari wakil pelajar AQSA dan diteruskan oleh Prof. Madya Dr. Nor Hafizi bin Yusof selaku panel jemputan. Majlis berakhir dengan sesi soal jawab dan cabutan bertuah.

Program ini berjaya menyuntik semangat dan motivasi mahasiswa untuk mempersiapkan jati diri yang lebih unggul dan bertanggungjawab terhadap diri, keluarga dan masyarakat ketika menimba ilmu dalam bidang Qiraat. Selain itu, ia juga memberi pendedahan kepada orang awam serta mahasiswa mengenai sejarah dan pengenalan ilmu qiraat.

UNISZA

QIADAH ISLAMIYAH  
PENERAJU GENERASI  
AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

ANJURAN:  
PERSATUAN MAHASISWA  
AL-QURAN DAN AS-SUNNAH 20/21

LIVE AQSA Unisza

## MUZAKARAH QIRAAT

sejarah dan pengenalan ilmu qiraat

Bersama  
Prof. Madya  
Dr. Nor Hafizi bin Yusof

9.30 Malam ■ 20 Mac 21

AQSA Unisza | aqsaunisza\_official



# PROGRAM PERSATUAN MAHASISWA AL-QURAN DAN AS-SUNNAH (AQSA) PUSAT PENGAJIAN AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

**PERTANDINGAN TRANSFER NOTA**

**BERMULA 14 MAC 2021**

Terbuka Kepada semua pelajar AQSA Diploma & ISM

**Pemenang Bagi :**

**KATEGORI 1 (MINGGUAN)**  
Poster akan dipaparkan sebagai penghargaan bagi Penghantaran Nota Paling banyak

**KATEGORI 2 (SETIAP MINGGU KE-3)**  
Hadiah **ISTIMEWA** akan disediakan untuk penghantaran nota yang paling banyak dari **Minggu 1-3**

Aplikasi yang Digunakan : **Google Form**

## PERTANDINGAN TRANSFER NOTA

Pertandingan Transfer Nota dijalankan selama enam minggu iaitu pada 14 Mac 2021 hingga 24 April 2021. Program ini berkonsepkan pertandingan dan para peserta terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi pengajian Al-Quran dan As-Sunnah. Setiap minggu mahasiswa akan diedarkan dengan *google form* untuk berkongsi bahan pembelajaran. Penilaian adalah dengan merujuk kepada jumlah bilangan nota pembelajaran paling banyak dikongsi. Senarai pemenang akan diumumkan di laman Instagram AQSA UniSZA setiap tiga minggu.

Program ini bertujuan menggalakkan mahasiswa sentiasa berkongsi ilmu dan pengetahuan sesama mahasiswa. Di samping itu, program ini dapat meningkatkan pengetahuan mahasiswa tentang kepentingan mempelajari ilmu dan menyebarkannya, serta dapat menjana ilmu pengetahuan daripada bahan pembelajaran yang telah dikongsi. Para peserta juga berpeluang untuk berkeaktiviti dalam mereka bentuk nota penting hasil daripada pembelajaran sepanjang sesi perkuliahan.

**Tahniiah!**  
kepada semua pemenang pertandingan transfer nota yang telah berlangsung pada 14 Mac 2021

**Tahniiah!**  
PEMENANG NOTA TERTINGGI KATEGORI MINGGUAN PERTANDINGAN TRANSFER NOTA  
NIK NAJWA A'DILA BT NIZAM ISM SEMESTER 4

**Tahniiah!**  
PEMENANG NOTA KATEGORI MINGGUAN PERTANDINGAN TRANSFER NOTA  
WAN NUR AZRA BT IZALI ISM SEMESTER 4

**Tahniiah!**  
PEMENANG NOTA KATEGORI MINGGUAN PERTANDINGAN TRANSFER NOTA  
NURUL NAIEMAH BT MOHD SHA'UZI DIPLOMA SEM 6

**Tahniiah!**  
PEMENANG NOTA KATEGORI MINGGUAN PERTANDINGAN TRANSFER NOTA  
DAHIYAH DARWISYAH BT MOHD SUKRI DIPLOMA SEM 6

**Tahniiah!**  
kepada semua pemenang pertandingan transfer nota KATEGORI MINGGUAN KE-2

**Tahniiah!**  
PEMENANG NOTA TERTINGGI KATEGORI MINGGUAN KE-2 PERTANDINGAN TRANSFER NOTA  
NURUL NAIEMAH BT MOHD SHA'UZI DIPLOMA SEM 6

**Tahniiah!**  
PEMENANG NOTA KATEGORI MINGGUAN KE-2 PERTANDINGAN TRANSFER NOTA  
DAHIYAH DARWISYAH BT MOHD SUKRI DIPLOMA SEM 6

**Tahniiah!**  
PEMENANG NOTA KATEGORI MINGGUAN KE-2 PERTANDINGAN TRANSFER NOTA  
NUR ALIA NASUHA BT ABDUL GHANI ISM SEM 4

**Tahniiah!**  
PEMENANG NOTA KATEGORI MINGGUAN KE-2 PERTANDINGAN TRANSFER NOTA  
AJMAD TIRMIZI BIN MOHD ZAKI ISM SEM 4



# PROGRAM PERSATUAN MAHASISWA PENTADBIRAN ISLAM DAN SYARIAH (PERISYA) PUSAT PENGAJIAN SYARIAH



## WEBINAR-SEMINAR ASAS MAQASID SYARIAH KALI KE-6 PERINGKAT KEBANGSAAN 2021 (Web-SAMS 2021)

Persatuan Mahasiswa Pentadbiran Islam dan Syariah (PERISYA) sesi 2020/2021 telah mengadakan Program Webinar-Seminar Asas Maqasid Syariah Kali Ke-6 Peringkat Kebangsaan 2021 (Web-Sams 2021) yang telah dilaksanakan pada 8-9 Januari 2021 (Jumaat-Sabtu) secara dalam talian di platform *cisco webex* dan *live Facebook*.

Program ini adalah berkenaan Pandemi: Fiqh, Fatwa dan Maqasid Syariah yang melibatkan dua orang ucapnama, empat orang penceramah, enam orang moderator dan dua orang panel jemputan iaitu Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Zulkipli bin Haji Muda, selaku Mufti Terengganu dan Dr. Suhazeli bin Abdullah selaku Ketua Unit dan Pakar Perunding Perubatan. Penampilan panel hebat adalah untuk berkongsi ilmu khususnya dalam bidang syariah, perubatan Islam, muamalat, halal, ekonomi, dan isu semasa kepada mahasiswa Pengajian Islam khususnya dan mahasiswa UniSZa umumnya.



Seminar ini juga akan membuka ruang kepada mahasiswa untuk meningkatkan ilmu praktikal dalam bidang Syariah dan Perubatan Islam seterusnya memupuk motivasi mahasiswa ke arah mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

## PROGRAM BICARA HUKUM: PERNIKAHAN SINDIKET, SAH ATAU TIDAK?

Persatuan Mahasiswa Pentadbiran Islam & Syariah (PERISYA) sesi 2020/2021 telah mengadakan program Bicara Hukum: Pernikahan Sindiket, Sah Atau Tidak? pada 12 Mac 2021 iaitu bersamaan hari Jumaat. Program ini berbentuk forum yang melibatkan seorang moderator iaitu Nur Wahidah binti Aziz yang merupakan Mahasiswi Semester 4, Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) dan dua orang panel jemputan, Prof. Madya Dr. Jamalluddin bin Hashim, Timbalan Dekan



Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), FKI, UniSZa dan Puan Najihah binti Ab Kadar, Peguam di Tetuan Khairi Najihah & Associates untuk tampil berkongsi ilmu khususnya dalam bidang syariah dan undang-undang.

Program ini diadakan bagi memberi penjelasan berkenaan status pernikahan sindiket dalam masyarakat Islam terutamanya di Malaysia. Hal ini dapat membuka minda masyarakat terutamanya golongan muda supaya menggunakan kaedah yang disediakan oleh undang-undang Islam di Malaysia dalam menjalankan pernikahan di samping menjaga hubungan silaturrahim dengan keluarga. Pada akhir program ini, satu kuiz telah diadakan dan hadiah telah diberikan kepada 10 orang pemenang.

# PROGRAM PERSATUAN MAHASISWA PENTADBIRAN ISLAM DAN SYARIAH (PERISYA) PUSAT PENGAJIAN SYARIAH

## PROGRAM CELIK WANITA: HAIDH & ISTIHADAH MENURUT FIQH ISLAM DAN PERUBATAN

Persatuan Mahasiswa Pentadbiran Islam & Syariah (PERISYA) sesi 2020/2021 telah mengadakan program Celik Wanita: Haidh & Istihadah Menurut Fiqh Islam dan Perubatan pada 19 Mac 2021 (Jumaat). Program ini berbentuk forum yang melibatkan seorang moderator iaitu Nur Maisarah binti Mahadi yang merupakan Exco Helwanis PERISYA dan dua orang panel jemputan iaitu Ustaz Ahmad Tirmizi bin Taha selaku Pensyarah Pusat Pengajian Syariah FKI, UniSZA dan Prof. Madya Dr. Habibah binti Abdul Hamid iaitu Ketua di Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk berkongsi ilmu khususnya dalam bidang Fiqh Islam dan Perubatan.

Program ini diadakan bagi memberi pendedahan berkenaan isu dalaman wanita khususnya bab haidh dan istihadah dari sudut pandangan kesihatan dan Islam. Hal ini dapat memberi kesedaran kepada mahasiswi dan wanita di luar sana akan kepentingan menjaga kesihatan dalaman seiring dengan mengambil berat hal ehwal ibadat agar mampu melahirkan mahasiswa komprehensif dan berilmu pengetahuan. Program ini juga melibatkan kolaborasi bersama Pertubuhan Kebajikan Wanita Nur Insani (NISA' TERENGGANU), Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM), Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Putra Malaysia (PMIUPM), Persatuan Mahasiswa Universiti Sains Malaysia (PMIUSM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).



## FORUM SUDUT PANDANG FIQH DAN PERUBATAN: VAKSIN COVID-19

Forum Sudut Pandang Fiqh Dan Perubatan: Vaksin Covid-19 diadakan pada 27 Mac 2021 iaitu bersamaan hari Sabtu. Program peringkat kebangsaan ini berbentuk forum dan dihadiri oleh tiga orang panel jemputan iaitu, Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Zulkiply bin Haji Muda, selaku Mufti Negeri Terengganu, Prof. Dr. Basri bin Ibrahim dari Pusat Pengajian Syariah, FKI, UniSZA dan Prof. Dr. Harnay bin Mohamed Yusoff, Pengarah Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-i) UniSZA untuk berkongsi ilmu dalam bidang Maqasid Syariah dan Perubatan.

Program ini juga bertujuan memperjelaskan isu vaksin Covid-19 selaras dengan panduan yang telah ditetapkan oleh Maqasid Syariah iaitu dalam konteks *hifz al-nafs* supaya mahasiswa lebih terbuka akan kepentingan vaksin ini dalam menghalang *Coronavirus* (Covid-19) dari terus merebak. Program ini meningkatkan kematangan pelajar akan kepentingan vaksin dari sudut Maqasid Syariah dan Perubatan, seterusnya akan melahirkan mahasiswa yang lebih komprehensif dalam memandang kepentingan dan keseriusan isu ini. Forum ini telah banyak memberikan impak positif kepada para peserta seluruhnya.

Program ini adalah kolaborasi bersama antara Pusat Islam UniSZA, Persatuan Mahasiswa Kontemporari Islam (PMKI) UniSZA, Medical Students Association of UniSZA (MediSZA), Persatuan Mahasiswa Fakulti Perubatan (PERSIAP), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Persatuan Pengajian Islam (PERPIS), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Dewan Amal Islami (DAMAI), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Lajnah Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM).



# PROGRAM PERSATUAN MAHASISWA USULUDDIN (PMUS) PUSAT PENGAJIAN USULUDDIN

**PROGRAM KESIHATAN MENTAL KELUARGA :  
ADAKAH ANDA PEDULI?**

Tarikh: 28 Februari 2021 (Ahad) • Masa: 08.30 pagi hingga 12.30 tengah hari

**SLOT 1 :**  
MASALAH KESIHATAN MENTAL, PEMBUNUH DALAM DIAM  
Dr. Rosliza binti Yahya  
(Pensyarah Perubatan UniSZA)

**SLOT 2 :**  
KOMUNIKASI BERKESAN ASAS KELUARGA HARMONI & SEJAHTERA  
Dr. Siti Hajar binti Mohamad Yusoff  
(Pensyarah UniSZA)

TERBUKA KEPADA  
SEMUA MAHASISWA,  
STAF UniSZA  
DAN ORANG AWAM

KLIK DISINI UNTUK PENDAFTARAN

Secara Atas Talian Cisco Webex Event

09-6688962 (Pn. Nik)

## PROGRAM KESIHATAN MENTAL KELUARGA: ADAKAH ANDA PEDULI?

Program Kesihatan Mental merupakan program anjuran Unit Kaunseling, Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA dan Pejabat Pengarah Kampus Besut dengan kerjasama Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) dan Persatuan Mahasiswa Usuluddin UniSZA (PMUS). Program ini telah diadakan pada 28 Feb 2021 secara dalam talian menggunakan aplikasi *Cisco Webex Event* dengan disertai oleh 250-300 orang peserta daripada warga UniSZA, UMT, universiti tempatan lain dan orang awam. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran kepada mahasiswa khususnya dan juga masyarakat luar umumnya tentang kepentingan mengambil berat terhadap kesihatan mental.

Program ini terbahagi kepada dua sesi iaitu sesi pertama disampaikan oleh Dr. Rosliza binti Yahya iaitu Pensyarah Perubatan, UniSZA dengan tajuk “Masalah Kesihatan Mental, Pembunuh dalam Diam”. Antara intipati yang telah disampaikan adalah pengenalan kepada jenis masalah kesihatan mental yang sering dihadapi oleh seseorang. Manakala sesi kedua pula disampaikan oleh Dr. Siti Hajar binti Abdul Rauf juga pensyarah UniSZA dengan tajuk “Komunikasi Berkesan Asas Keluarga Harmoni dan Sejahtera”. Beliau telah menerangkan tentang teknik komunikasi yang sebenar dalam keluarga mengikut kaedah dan fasa tertentu.

Hasil daripada program ini sedikit sebanyak telah membuka minda masyarakat tentang kepentingan penjagaan kesihatan mental terutamanya dalam institusi keluarga sekali gus membantu setiap keluarga untuk berfungsi secara optimum bagi menghadapi cabaran harian serta melahirkan masyarakat yang harmoni dan memahami antara satu sama lain. Program ini memberi pendedahan secara terperinci tentang realiti masalah kesihatan mental seterusnya dapat menghentikan stigma tipikal masyarakat, lalu mengubah persepsi berkaitan dengan masalah ini. Sijil penyertaan turut disediakan kepada semua peserta. Pelbagai respon dan reaksi positif telah diterima.

# IKON KEPIMPINAN HOLISTIK FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM

## PROF. DR. ENSKU ZAKI BIN ENSKU ALWI

### LATAR BELAKANG

Anak jati kelahiran Terengganu ini dilahirkan pada 2 November 1968. Beliau merupakan anak ketiga daripada tujuh adik-beradik hasil jalinan kasih sayang Engku Alwi Engku Ambak dan Tengku Adnan @ Salihah Tengku Mohamad.

### PENDIDIKAN

Beliau mendapat pendidikan awal di SK Gong Kapas dan SK Pasir Panjang, seterusnya melanjutkan pengajian di SMA Sultan Zainal Abidin Ladang dari tahun 1980-1983. Beliau mengambil *Syahadah Thanawi Rabie'* di SMA (Atas) Sultan Zainal Abidin, Batu Buruk pada 1984-1987. Beliau memperoleh kelulusan Universiti Al-Azhar dalam bidang Usuluddin pada tahun 1992, *Master of Islamic Revealed Knowledge*, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia pada tahun 1998 dan Ijazah Doktor Falsafah dalam pengkhususan Kajian Ajaran Salah daripada Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada tahun 2006.

### SEJARAH KERJAYA

Beliau memulakan kerjaya sebagai seorang guru agama di SMA (Atas) Sultan Zainal Abidin, Batu Buruk, Terengganu (1992-1993), seterusnya memikul tugas sebagai pensyarah di KUSZA bermula dari tahun 1993. Sepanjang berkhidmat di KUSZA, beliau telah menyandang pelbagai jawatan yang membuktikan bahawa beliau seorang yang komited, berdedikasi, dan merupakan tokoh kepimpinan holistik kini di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam. Berikut adalah sumbangan yang telah diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau.

- i. Ketua Program Usuluddin (1998-2001)
- ii. Ketua Program Diploma, Lanjutan Pengajian Islam (2005-2006)
- iii. Timbalan Dekan, Sekolah Pengajian Islam KUSZA (2006)
- iv. Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar), Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (2007-2011).
- v. Dekan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (2012-2014)
- vi. Dekan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (2020-2022)

Kini beliau adalah pensyarah sepenuh masa dan Professor di Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA.



### KHIDMAT DAN SUMBANGAN

- i) Penasihat Jawatan Kuasa Masjid Gong Kijang Bukit Tunggal
- ii) Imam Masjid Gong Kijang Bukit Tunggal
- iii) Guru Takmir Masjid bertauliah
- iv) Jurunikah bertauliah Mukim Kuala Nerus
- v) Penceramah Agama bertauliah
- vi) Panel Pakar Akidah dan Tasawuf DBP 2012- 2015
- vii) Panel Pakar Akidah JAKIM 2012-2018
- viii) Panel MQA 2007 – kini



# IKON KEPIMPINAN HOLISTIK FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM

## PROF. DR. ENSKU ZAKI BIN ENSKU ALWI

### KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

#### Universiti

- i. Dinaikkan pangkat ke Profesor Madya -2009
- ii. Dilantik sebagai Profesor -2015
- iii. Penerima Anugerah Akademik Universiti (AAU) UniSZA -2019

#### Kebangsaan

- i. Pengerusi Panel MQA
- ii. Panel Pakar Akidah JAKIM
- iii. Panel Pakar Akidah dan Tasawuf DBP
- iv. Pemeriksa Luar Tesis Sarjana dan Doktor Falsafah Universiti Awam Malaysia
- v. Pemeriksa Luar Kenaikan Pangkat Prof. Madya dan Profesor

#### Antarabangsa

- i. Penyelidik Pelawat Pusat Manuskrip DiRaja Morocco tahun 2020
- ii. Pengerusi Penggubal Kurikulum Pengajian Islam di Maahad Pengajian Islam Oman
- iii. *Editorial Board* Jurnal Berindeks Antarabangsa

### NASIHAT KEPADA AHLI AKADEMIK

- i) Fahami tugas utama akademia adalah pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan, serta khidmat masyarakat.
- ii) Hayati falsafah FKI iaitu Fokus, Kesungguhan dan Istiqamah.
- iii) Kebersamaan dalam melaksanakan amanah kesarjanaan
- iv) Ingat Allah SWT senantiasa pada setiap masa dan keadaan

### HARAPAN KEPADA FKI:

Didoakan semoga FKI terus maju dan gemilang menerokai dan merebut pelbagai peluang dan ruang yang terhidang, menyebarkan ilmu dan inovasi demi manfaat ummah sejagat.

### PRINSIP KEPIMPINAN

- i) Kepimpinan melalui teladan
- ii) Kepimpinan adalah satu amanah
- iii) Kepercayaan dan keadilan
- iv) Kebersamaan dan kesepunyaan

### PRINSIP KARYA/PENULISAN:

Sehingga kini beliau telah menghasilkan 22 buah buku, 20 bab dalam buku, 58 artikel jurnal berindeks dan lebih 800 artikel dalam media arus perdana. Antara buku yang telah diterbitkan ialah Manhaj Kesufian Tok Ku Paloh, Ajaran Sesat di Malaysia, Akidah dan Isu Sosial Menurut Islam, Peranan Ulama dalam Kesultanan Terengganu, Membangun Modal Insan Melalui Pemantapan Akidah, Bahagia Dengan Islam, Ibadah Sehari Hilang Dosa Setahun, Ajaran Sesat di Negeri Terengganu, Akidah Islam dan Pemahaman Umat Sepanjang Zaman, Aku Nikah Akan Dikau, Sirah-sirah Bulan Hijrah, Isu Akidah dan Sosial Masyarakat Islam dan lain-lain lagi.

**JAWATANKUASA PROMOSI  
FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM**

**PENAUNG**

Prof. Dr. Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi  
Dekan

**PENASIHAT**

Prof. Madya. Dr. Rohaizan bin Baru  
Timbalan Dekan Akademik dan Siswazah

**PENGERUSI**

Encik Mohd Sayuti bin Yahya

**SETIAUSAHA**

Rosmalizawati binti Abd. Rashid  
Puan Noor Hanisah binti Ruslan

**AHLI JAWATANKUASA**

**Ketua Unit Data**

Dr. Norhashimah binti Yahya

**Ketua Unit Publisiti Luar**

Dr. Abdul Qahhar bin Ibrahim

**Ketua Unit Media Sosial**

Dr. Nik Murshidah binti Nik Din

**Ketua Unit Buletin**

Dr. Zuraidah Juliana binti Mohamad Yusoff

**Ketua Unit Multimedia**

Ustaz Mohd Ali bin Mohd Yusuf

**Ketua Unit Website**

Ustaz Muhammad Hafizi bin Rozali

**Webmaster I**

Ustaz Muhammad Hafizi bin Rozali

**Webmaster II**

Ustaz Wan Saifuldin bin W Hassan